



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
BILANGAN 27 TAHUN 2020**

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PROSES KERJA TANAMAN KAWASAN LAPANG SECARA JABATAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan proses kerja bagi aktiviti Tanaman Kawasan Lapang Secara Jabatan untuk membantu memulihkan kandungan dirian Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya daripada segi komposisi spesies yang bermutu tinggi dan berkepentingan dalam pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tanaman kawasan lapang merupakan suatu rawatan pemulihan ke atas kawasan hutan miskin, lapang dan terosot. Aktiviti ini akan membantu meningkatkan produktiviti sesuatu kawasan hutan mahupun Tanah Kerajaan supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi spesies yang bermutu tinggi dan berkepentingan.
- 2.2 Secara amnya terdapat dua (2) kategori kawasan yang perlu dijalankan tanaman kawasan lapang iaitu :
- (i) kawasan hutan miskin dan terosot di mana aktiviti tanaman ini akan memastikan kawasan ini dipenuhi semula dengan pokok-pokok spesies tempatan yang berpasaran dan bermutu tinggi; dan
 - (ii) kawasan lapang iaitu kawasan bekas lombong, kawasan bekas terbakar dan kawasan pesisiran pantai.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini merangkumi proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat dan pelaksanaan kerja di lapangan untuk aktiviti tanaman kawasan lapang yang dilaksanakan secara jabatan.
- 3.2 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi menjalankan kerja-kerja Tanaman Kawasan Lapang bagi hutan darat dalam

kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diusahakan hasilkan dan juga kawasan Tanah Kerajaan yang berkepentingan.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti Proses Kerja tanaman kawasan lapang bagi hutan darat dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diusahakan hasilkan dan juga kawasan Tanah Kerajaan yang berkepentingan.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunapakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap Proses Kerja aktiviti Tanaman Kawasan Lapang Secara Jabatan proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Merangka pelaksanaan aktiviti dan objektif Tanaman Kawasan Lapang bagi tahun semasa.	TPPN/PPPN/PHD
5.3.2	Menyediakan Pelan Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang dan Pelan Blok Tanaman Kawasan Lapang.	PP/PH
5.3.3	Menyemak dan mengesahkan Pelan Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang dan Pelan Blok Tanaman Kawasan Lapang.	PPPN/PHD
	5.3.3.1 Sekiranya Pelan Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang dan Pelan Blok Tanaman Kawasan Lapang tidak betul kembali semula ke proses 5.3.2	
	5.3.3.2 Sekiranya betul terus ke proses 5.3.4	
5.3.4	Menentukan spesies tanaman, bilangan anak pokok, saiz anak pokok dan kuantiti baja yang diperlukan serta keperluan lain (kotak jaring tanaman, dll) untuk pelaksanaan aktiviti Tanaman Kawasan Lapang.	TPPN/PPPN
5.3.5	Mengesahkan spesies tanaman, bilangan anak pokok, saiz anak pokok dan kuantiti baja yang diperlukan serta keperluan lain untuk pelaksanaan aktiviti Tanaman Kawasan Lapang.	PPH/PRH
5.3.6	Menetapkan tempoh pelaksanaan Tanaman Kawasan Lapang.	PPPN/PHD
5.3.7	Menyediakan Pasukan Tanaman Kawasan Lapang.	PPH/PRH
5.3.8	Membangun tapak semaian sementara bagi penempatan anak pokok tanaman.	KPTKL
5.3.9	Mendapatkan bekalan anak pokok dan baja dari tapak semaian utama Jabatan.	KPTKL
5.3.10	Merekod dalam Daftar Stok bilangan anak pokok dan kuantiti baja yang dikeluarkan.	PH/PTK/PT
5.3.11	Menentu kedudukan, menanda dan mengesahkan Pusat Ikatan (PI) bagi Stesen Permulaan Sempadan (SPS) Blok Tanaman Kawasan Lapang.	PRH/PRH
5.3.12	Melaksanakan kerja penyediaan Blok Tanaman Kawasan Lapang meliputi aktiviti berikut: (i) menanda dan membersihkan sempadan blok Tanaman Kawasan Lapang; (ii) Menanda permulaan dan merintis garis tapak serta menanda permulaan garis tanaman; dan (iii) merintis, membersihkan dan menanda baris tanaman serta menanda tapak lubang tanaman.	PTKL

5.3.13	Menanda dan merekodkan ke atas Pelan Blok Tanaman Kawasan Lapang meliputi perkara-perkara berikut: (i) tapak lubang tanaman yang tidak boleh ditanam oleh kerana berbatu atau sebab-sebab lain; dan (ii) tapak lubang tanaman yang tidak perlu ditanam kerana telah sedia terdapat anak pokok asal spesies pilihan [<i>Regeneration Sampling List (RS List)</i>] di mana spesies ini juga hendaklah direkodkan.	KPKL
5.3.14	Melaksanakan kerja penanaman Tanaman Kawasan Lapang.	PTKL
5.3.15	Menentukan semakan secara rawak di pejabat dengan intensiti 30 peratus daripada keluasan kawasan yang ditanam.	PPN/PHD
5.3.16	Menyemak kerja-kerja penanaman yang telah ditentukan.	Pasukan Semakan
5.3.16.1	Mengulangi kerja penanaman bagi pelaksanaan kerja yang tidak memenuhi spesifikasi.	PTKL
5.3.16.2	Menyedia dan mengemukakan Laporan Semakan Kerja Tanaman (Tanaman Kawasan Lapang) sekiranya memenuhi spesifikasi.	KPS
5.3.17	Menyedia dan mengemukakan Laporan Siap Kerja Tanaman Kawasan Lapang.	KPTKL

5.4 Carta aliran Proses Kerja aktivitiTanaman Kawasan Lapang Secara Jabatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

7.1 Terminologi Proses Kerja Tanaman Kawasan Lapang Secara Jabatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN


10.1 Manual Perhutanan Jilid II.

10.2 Manual Perhutanan Jilid III.

10.3 Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 2/96 – Panduan Aktiviti Tanaman Kawasan Lapang.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

TERMINOLOGI

Baris Tanaman	- baris di mana tanaman dijalankan semasa Tanaman Kawasan Lapang.
Blok Tanaman	- pecahan Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang di mana setiap blok meliputi kawasan seluas lebih kurang 10 hektar.
Garis Tapak	- suatu garis yang disediakan merintangi Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang untuk menetapkan permulaan Baris-baris Tanaman.
Hutan Simpanan Kekal	- kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Pada kebiasaannya, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.
Kawasan Kerja Tanaman Kawasan Lapang	- kawasan kompartmen atau subkompartmen bagi hutan dalam HSK atau kawasan lapang pada Tanah Kerajaan yang akan dijalankan tanaman.
Pelan Kawasan Tanaman	- pelan yang disediakan berdasarkan kepada Pelan Blok Tanaman Lapang dengan mewarnakan tapak lubang tanaman menggunakan kod-kod warna yang menunjukkan pokok ditanam yang hidup, pokok ditanam yang mati, pokok asal yang dipilih dan tapak lubang tanaman yang tidak ditanam.
Pusat Ikatan	- satu titik rujukan di atas tanah yang digunakan sebagai punca untuk menentukan kedudukan Permulaan Garis Tapak/Stesen Permulaan Sempadan Blok Tanaman Kawasan Lapang. Pusat Ikatan lazimnya dipilih daripada ciri geografi yang kekal seperti cabang sungai, jambatan kekal, <i>benchmark</i> , stesen trigonometri ataupun melalui koordinat <i>Global Positioning System</i> (GPS). Selain daripada ciri geografi yang kekal, Permulaan Garis Tapak blok bersebelahan boleh juga digunakan sebagai Pusat Ikatan bagi blok berikutnya.
Stesen Permulaan Sempadan Tanaman Kawasan Lapang	- stesen pertama dalam kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan Blok Kawasan Tanaman Kawasan Lapang. - suatu jenis aktiviti pemuliharaan yang dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan di dalam HSK yang terosot ataupun kawasan lapang di Tanah Kerajaan bagi membantu meningkatkan kandungan kekayaan biodiversiti kawasan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran, bermutu tinggi dan nilai kepentingan semasa.
Kawasan Terosot	- Kawasan berhutan yang mengalami gangguan semulajadi ataupun manusia dan menyebabkan pembukaan kanopi hutan yang ketara.

Kawasan Bekas Terbakar	- kawasan yang telah mengalami bencana api atau pembakaran dan menyebabkan kerusakan dan kemusnahan ekologi dan biodiversiti.
Kawasan Bekas Lombong	- bekas kawasan yang telah diterokai untuk mengeluarkan hasil mineral
Kawasan Hutan Miskin	- HSK yang telah diusaha hasil dan hasil keputusan bancian selepas tebangan (<i>Post-F</i>) menunjukkan kawasan tersebut tidak mempunyai bilangan anak benih dari jenis <i>RS</i> yang mencukupi, atau mempunyai bilangan anak benih dari jenis <i>RS</i> yang mencukupi tetapi mengalami gangguan (bertam, resam, halia, pisang dan buluh) yang tidak boleh diatasi.

SINGKATAN

HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
KPTKL	-	Ketua Pasukan Tanaman Kawasan Lapang
KS(SIL)	-	Ketua Seksyen Silvikultur
KPS	-	Ketua Pasukan Semakan
PGT	-	Permulaan Garis Tapak
PA	-	Pembantu Awam
PH	-	Pengawas Hutan
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PI	-	Pusat Ikatan
PPH	-	Penolong Pemelihara Hutan
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	-	Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PT	-	Pembantu Tadbir
PTK	-	Pembantu Tadbir Kanan
PTKL	-	Pasukan Tanaman Kawasan Lapang
SPS	-	Stesen Permulaan Sempadan
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri

CARTA ALIRAN PROSES TANAMAN KAWASAN LAPANG SECARA JABATAN

